

# Orang ramai teruja tunggu perkhidmatan MRT

**KUALA LUMPUR** – Orang ramai teruja menunggu pengoperasian sepenuhnya projek Mass Rapid Transit (MRT) dari Sungai Buloh ke Kajang yang bakal dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 17 Julai ini.

Kakitangan swasta, Nurbaity Ahmad Fezal, 31, dari Kajang berkata, pengangkutan awam itu diyakini akan menjimatkan masanya untuk berulang-alik ke tempat kerjanya di Jalan Raja Chulan di sini.

Menurut wanita itu, jika sebelum ini, dia perlu mengambil masa dua jam untuk ke tempat kerja namun dengan menaiki MRT dijangka perjalanannya hanya memakan masa 30 minit.

“Sebelum ini, saya menaiki komuter di stesen Kajang dan turun di stesen Bandar Tasik Selatan sebelum menyambung perjalanan menaiki monorel menuju ke Stesen



**NURBAITY**

Hang Tuah dan turun di stesen Raja Chulan.

“Dengan MRT, saya hanya perlu menunggu MRT di stesen Kajang sebelum turun di stesen Bukit Bintang dan berjalan kaki ke pejabat,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Seorang lagi pengguna pengangkutan awam, Nurfathiah Azamir, 26, dari Bandar Tun Hussein Onn, Cheras berkata, dia tidak



**NURFATHIAH**



**NURSUMAIYAH**

sen Bandar Tun Hussein Onn akan terus bergerak ke stesen Bukit Bintang yang terletak dekat dengan pejabat saya,” katanya.

Seorang lagi, kakitangan swasta, Nursumaiyah Mohd Hamka, 25, berkata, projek MRT sangat bermanfaat kepada rakyat kerana ia bukan sahaja memberi kemudahan tetapi juga mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas.

sabar untuk menggunakan perkhidmatan MRT yang memudahkannya untuk ke tempat kerja di Jalan Bukit Bintang.

“Dengan MRT saya tidak perlu menukar tren di stesen Bandar Tasik Selatan dan stesen Hang Tuah kerana laluan MRT dari ste-